



ASYRAF WAJDI DUSUKI (kiri) menandatangani plak perasmian sambil diperhatikan oleh Musa Ahmad (dua dari kanan) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat Seremban, kelmarin.

Ihtifal IPT ASEAN banyak beri manfaat

SEREMBAN 25 Ogos - Penganjuran Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dekat Nilai di sini adalah platform terbaik untuk menzahirkan manfaat integrasi ilmu naqli dan aqli yang dipelopori universiti berkenaan.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, manfaat itu jelas kelihatan melalui pertandingan dan konvensyen yang diadakan sepanjang program selama empat hari itu yang berakhir semalam.

Beliau berkata, antara tujuan penganjuran program seumpama itu adalah untuk menonjolkan keilmuan Islam yang disampaikan melalui pelbagai medium dakwah dan menghimpunkan golongan belia Islam dari rantau Asia Tenggara di samping membincangkan isu-isu semasa seperti pendidikan, dakwah dan pembangunan sosial belia masa kini.

"Cabaran umat Islam hari ini adalah begitu getir dengan segala ancaman dihadapi terutama daripada segi aspek sosial yang mana kita diancam dengan hakisan nilai-nilai murni dalam masyarakat serta generasi baharu umat Islam.

"Oleh itu, generasi belia Islam masa kini seharusnya mempelajari daripada sejarah kegemilangan Islam pada masa silam di mana

penguasaan ilmu yang berterusan digandingkan dengan ketakwaan telah menjadikan umat Islam disanjung di serata dunia," katanya dalam ucapan dalam majlis penutup Ihtifal IPT ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015, di sini semalam.

Majlis penutup itu telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Sebanyak tiga pertandingan utama dianjurkan dalam program itu iaitu Tilawah al-Quran yang menerima sebanyak 29 penyertaan, Debat Bahasa Arab oleh 16 pasukan manakala Nasyid menerima sembilan pasukan dengan yang kesemuanya adalah himpunan pelajar IPT dari Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Secara keseluruhannya, sebanyak 23 buah universiti serantau menghantar penyertaan antaranya dari Malaysia iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Indonesia menghantar peserta dari Universiti Islam Negeri (UIN) Walisongo, UIN Syarif Hidayatullah, UIN Sultan Syarif Kassim Riau, Universitas Muhammadiyah, Universitas Islam Nusantara manakala Brunei adalah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.